

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash



VIRTUAL PROGRAM:

JANA DUIT DENGAN YOUTUBE (BAHAGIAN 2)



SINESS WITH 1 J
Hiday
945 view
ago
Streamed

¹Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar, ¹Hani Sakina Mohamad Yusof,
¹Sholehah Abdullah & ²Ahmad Sujairi Johari

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu




eISSN 2600-9811

167

PENYEDIAAN YOUTUBE CHANNEL DAN VIDEO

Setelah selesai 2 sesi kelas secara interaktif, peserta diberikan ruang dan masa untuk menyediakan video terkini hasil dari pembelajaran mereka. Ketika sesi penyediaan video ini, peserta juga diberikan peluang untuk bertanyakan soalan kepada coach. Terdapat beberapa peserta yang menghantar video lebih awal iaitu sehari selepas kelas berakhir. Jika terdapat apa-apa penambahbaikan, coach akan terus memberi maklumbalas cadangan atau idea kepada peserta.

Jika peserta masih belum mempunyai YouTube channel sendiri, mereka perlu berbuat demikian dengan membuka satu akaun dengan pilihan nama mengikut hemat mereka. Bagi peserta yang sudah sedia ada mempunyai Youtube channel, mereka boleh menggunakan platform tersebut sebagai penyertaan ke pertandingan ini. Pelbagai jenis content yang disediakan seperti how to, product review, product unboxing, trip to somewhere dan pelbagai lagi. Meskipun kualiti penghasilan video berkenaan tidak setanding profesional, namun usaha gigih peserta sewajarnya diberi pujian.



PERTANDINGAN, PEMARKAHAN DAN PENJURIAN

Peserta perlu memuatnaik video melalui Youtube masing-masing pada hari Jumaat, 20 Ogos 2021, manakala penilaian akan berlangsung selama dua hari untuk mencari pemenang. Borang pemarkahan disediakan oleh pihak professional consultant. Pihak MASMED dengan kerjasama professional consultant telah menilai video peserta mengikut aspek kepakaran masing-masing. Antara kriteria pemarkahan yang dinilai adalah seperti berikut:

1. Thumbnail
2. Tajuk video
3. Tagging
4. Call to action
5. Montage
6. Pin comment dan lain- lain

SOAL SELIDIK PESERTA

Bagi memastikan perjalanan program ini memberikan impak kepada peserta, MASMED telah menyediakan soal selidik yang diedarkan melalui pautan Google Form kepada semua peserta. Beberapa soalan dikemukakan kepada mereka seperti penilaian keberkesanan program terhadap peserta, penilaian penceramah, penilaian pelaksanaan pertandingan serta ulasan atau cadangan penambahbaikan, jika ada. Ianya penting bagi mendapatkan maklumbalas mengenai program dan juga sebagai ruang kepada peserta

untuk menyatakan pandangan mereka. Cadangan peserta yang bernas dan sesuai akan diambil kira untuk penambahbaikan bagi memantapkan program sebegini di masa hadapan.

Disertakan di sini secara ringkas dapatan daripada soal selidik yang dimaksudkan mengikut skala 1 yang membawa maksud 'Sangat Tidak Setuju' manakala 5 bermaksud 'Sangat Setuju'.

1. Program ini telah berjaya meningkatkan minat dan kecondongan saya di dalam bidang kemahasiswaan.

24 responden




1. Program ini membantu menambatkan kefahaman dan kemahiran saya mengenai YouTube.

24 responden




1. Program ini membantu menambatkan kefahaman dan kemahiran saya mengenai YouTube.

24 responden




4. Pada keseluruhannya, program ini berjaya dan bermanfaat.

24 responden




Penceramah memberi motivasi untuk saya positif dan berfikir di dalam bidang kemahasiswaan.

24 responden




2. Penceramah mempunyai ilmu dan kepakaran yang sangat baik di dalam bidang yang berkaitan.

24 responden




3. Penceramah memberi tips yang berguna dan menjawab persoalan apabila saya tidak faham.

24 responden




3. Penceramah sentiasa memben nasihat berkaitan keusahawanan kepada saya.

24 responses




4. Penceramah sentiasa memantau perkembangan perubahan video saya.

24 responses



3. Format program mudah difahami.

24 responses



Banyak maklum balas positif daripada peserta yang diterima oleh jawatankuasa mengenai program ini seperti:

1. Sangat best.
2. Buat program ini lagi maybe bersiri or berhari-hari.
3. Program yang amat bagus dan perlu diteruskan lagi pada masa akan datang.

4. Sangat bagus, harap akan ada lagi program sebegini.
5. Perbanyakkan aktiviti seperti ini.
6. Saya seronok dapat menghadiri program... sangat bermanfaat... harap dapat dibuat lagi.
7. Semua sempurna.
8. Saya berharap agar dapat belajar dengan lebih mendalam tentang bagaimana menjadi seorang affiliate dan YouTuber yang berjaya.
9. Program amat bagus dan perlu diteruskan pada masa akan datang.
10. Secara keseluruhannya, program yang dianjurkan memberikan impak yang positif kepada para peserta kerana banyak input menarik yang telah disampaikan oleh para penceramah.

Manakala terdapat juga beberapa cadangan yang baik yang dikongsikan oleh para peserta termasuklah:

1. Buat program ini lagi maybe bersiri or berhari-hari.
2. Penambahbaikan yang saya mungkin tambah ialah buat lebih challenge on YouTube, macam buat satu untuk vlogging, gaming, skit, music parody sebab sebagai YouTuber, seseorang itu perlu terdedah kepada semua jenis content.
3. Tambah lebih masa untuk penambahan content yang lain.
4. Saya berharap program sebegini dapat menambah lagi info-info terbaharu tentang penghasilan keusahawanan dalam YouTube dengan mengikut peredaran masa.
5. Penggunaan pelbagai teknik atau kaedah pengajaran supaya dapat menarik minat pelajar untuk turut serta dalam pembelajaran dan pengajaran.
6. Pada hemat saya, masa yang diperuntukan untuk menyediakan sebuah video berdurasi 15 minit adalah tidak mencukupi bagi peserta yang baru sahaja berjinak-jinak dengan pembikinan video pendek. Oleh hal yang demikian, bagi sesetengah peserta mereka mungkin merasa kerja yang dihasilkan itu tidak menarik dan tidak sempurna lantas

ini menyebabkan kurangnya penyertaan untuk pertandingan yang dianjurkan.

HADIAH DAN PENGUMUMAN PEMENANG

Hadiah wang tunai berjumlah RM500.00 telah diperuntukan untuk pertandingan video terbaik sempena program ini.


Pemberian hadiah secara wang tunai adalah lebih mudah diuruskan dan peserta juga boleh memanfaatkannya mengikut keperluan masing-masing. Pihak professional consultant juga berbesar hati memberikan online tutorial bertajuk 'Tutorial Youtuber & Youtube for Business' secara percuma yang bernilai RM90.00.

Peserta hanya perlu mendaftar di link yang disediakan dan menebusnya dengan menggunakan kod promosi. Semoga pek tutorial yang dihadiahkan sebagai cenderahati ini bermanfaat dan dapat membantu para peserta menambah ilmu serta kemahiran mereka di samping menjadi amal jariah buat coach. Pihak MASMED juga amat berterima kasih kepada pihak professional consultant di atas kesudian mereka menaja pek tutorial ini. Sebagai hadiah tambahan, pihak MASMED juga bersetuju untuk menghadiahkan tambah nilai (topup) telefon bimbit sebanyak RM30.00 berserta sijil kepada salah seorang peserta program iaitu Mohamad Asyraf Nazri bin Sakri sebagai penerima Anugerah Peserta Paling Komited. Beliau adalah pelajar dari Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam. Peserta ini menunjukkan minat dan komitmen yang baik sepanjang program berlangsung. Keaktifan beliau yang selalu bertanya soalan, memberikan pendapat dan menyiapkan tugas dengan baik telah menambat hati juri menobatkan anugerah tersebut kepadanya. Semoga ia menjadi contoh yang baik kepada peserta lain.

Pengumuman pemenang telah dibuat pada 23 Ogos 2021 melalui platform Zoom Meeting. Dikongsikan di sini senarai pemenang program:

4. Kriteria pemenang adalah jelas.

24 responses



Pihak professional consultant juga berkongsi sedikit ulasan mengenai kualiti video yang dimuatnaik dan cadangan penambahbaikan serta idea-idea yang baik bagi memantapkan lagi kemahiran dan kualiti kerja peserta. Rumusan program secara keseluruhan juga turut diberikan dan peserta telah diberikan peluang untuk menyuarakan pendapat serta pandangan mereka. Beberapa pengumuman dibuat oleh pihak MASMED seperti tuntutan hadiah dan sijil selain ucapan penghargaan kepada pihak professional consultant dan para peserta. Jawatankuasa juga memohon maaf atas segala kekurangan serta kesulitan yang dihadapi sepanjang program berlangsung.

PENUTUP

Walaupun pelbagai halangan dan kesulitan dilalui oleh pihak jawatankuasa dalam melaksanakan program ini, namun Alhamdulillah, diizinkan oleh Allah s.w.t untuk program ini berakhir dengan begitu baik. Sememangnya ia bukanlah satu program yang sempurna, tetapi pihak jawatankuasa sentiasa terbuka dan berlapang dada untuk menerima pandangan dan cadangan. Ia penting untuk pihak penganjur merangka pelan penambahbaikan bagi pelaksanaan pada masa akan datang demi kebaikan bersama terutamanya kepada para pelajar.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada

pihak professional consultant di atas segala usaha dan bantuan yang diberikan. Mereka tidak lokek untuk berkongsi ilmu dan tidak berkira. MASMED menganggap mereka telah berjaya menyampaikan delivery beyond expectation dan semoga diberi kesempatan lain untuk terus bekerjasama. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada pihak MASMED Shah Alam di atas peluang yang diberikan serta kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung di dalam menjayakan program ini. Syukur, Alhamdulillah. Sekian, terima kasih.

ONLINE VIRTUAL PROGRAM
YOUTUBEpreneur
 perisian inovatif
 bagi memjana pendapatan melalui YouTube

Coach Wan Mohd Ali
 The Business Builder
 Founder

Coach Naji Ibrahim
 Entrepreneur Mentor Trainer
 Business Coach

Pemenang Program YouTubepreneur

Tempat Pertama (RM200.00) – Asyraf Nazri

Tempat Kedua (RM150.00) – Love Iyia

Tempat Ketiga (RM100.00) - Syllistudio

Saguhadi (RM50.00) – Hafiz Zulkifli



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com